



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

14 Ogos 2015 / 29 Syawal 1436

Membina Kefahaman Tentang Nas Syarak

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا وَقَضَىٰ بِمَا يُرِيدُ حِكْمَةً
وَ حُكْمًا، أَنْعَمَ بِالنِّعَمِ ابْتِلَاءً وَامْتِحَانًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَ حُدَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ أَفْضَلُ الْأَنْبِيَاءِ وَ مَصْبَاحُ الظُّلَامِ، اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَ عَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا
كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا اللَّهَ حَيْثُ مَا كُنْتُمْ، فَإِنَّ اللَّهَ
يَعْلَمُ سِرَّكُمْ وَ عِلَانِيَتَكُمْ

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Ketahuilah, setiap yang kita lakukan di dunia ini akan diperhitungkan dan setiap lafaz yang diucap akan dihisab.

Saudara sekalian, Allah s.w.t. berfirman:

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ
النَّبِيِّينَ وَالصَّادِقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ
رَفِيقًا

Yang bermaksud: *“Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul(Nya) mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, iaitu: Nabi-Nabi, para Siddiqiin dan bersama orang-orang yang mati syahid dan mereka yang saleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya”*. [Surah An-Nisaa’: 69]

Ayat yang baru dibacakan tadi menjelaskan kepada kita kepentingan seseorang itu mentaati perintah Allah dan Rasul. Ganjaran yang dikurniakan di sebalik ketaatan yang tiada berbelah bagi tersebut adalah nikmat berhimpun di syurga Allah s.w.t. bersama mereka yang berjaya mendapat keredaan Allah s.w.t., seperti para Anbiya’, golongan yang sentiasa benar, mereka yang syahid serta para salihin. Mentaati perintah Allah dan Rasul adalah dengan mentaati dan menuruti isi kandung Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.

Namun saudaraku, jangan sekali-kali kita ini terlupa bahawa diantara tuntutan berpegang teguh dengan Al-Quran dan Sunnah itu adalah dengan memperoleh kefahaman yang betul berkaitan kedua-duanya. Al-Quran dan Sunnah itu bukanlah

hanya merupakan coretan teks-teks agama di sebalik lembaran kitab, akan tetapi kefahaman yang betul di sebalik teks-teks agama juga merupakan sebahagian dari Al-Quran dan Sunnah.

Saudaraku,

Persoalannya sekarang adalah bagaimana kita memperoleh pemahaman yang menyeluruh berkaitan isi kandung Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.? Lebih-lebih lagi dengan perkembangan media sosial hari ini, kita menyaksikan perkongsian maklumat agama melalui media sosial. Kadangkala maklumat yang dikongsikan merupakan maklumat yang belum tentu tepat. Oleh itu, ingin saya menyarankan beberapa pendekatan ringkas sebagai panduan untuk kita memperoleh pemahaman yang betul serta menyeluruh tentang Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w.

Pertama: Pemahaman teks Al-Quran dan Sunnah dengan mengambil kira objektif di sebalik sesuatu teks.

Langkah ini merupakan langkah pertama dalam usaha kita memahami Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w., iaitu dengan memahami maksud dan objektif utama yang ingin dipelihara Syarak. Al-Quran dan Sunnah, bertujuan untuk memberikan kepada kita panduan dasar Syariat Islam yang diperlukan bagi mengatur kehidupan dunia. Atas dasar itu, tujuan utama yang dipelihara Syarak adalah untuk memelihara kemaslahatan individu dan masyarakat. Ibn Qayyim dalam kitabnya *I'lam Al-*

Muwa'qien menyatakan bahawa Syariat ini keseluruhannya adalah nilai-nilai keadilan, rahmat dan kemaslahatan. Menurutnya lagi sekiranya berlaku kezaliman dan kerosakan, maka ia tiada kena-mengena dengan Syariat. Walaupun ada yang mengaku bahawa ia sebahagian dari agama.

Kerana itu, segala teks-teks agama akan sentiasa memelihara kemaslahatan insan dan masyarakat. Dan sekiranya kita memerhatikan keganasan dan kezaliman yang sering digembar-gemburkan pihak yang terseleweng, maka ketahuilah bahawa ia tiada kaitannya dengan Syariat.

Langkah Kedua: Memahami konteks dan latarbelakang sesuatu teks agama.

Memahami konteks dan latarbelakang di sebalik teks Al-Quran dan Sunnah juga mampu memberikan kepada kita gambaran lebih tepat tentang maksud sesuatu teks agama. Bahkan sekiranya kita meneliti ilmu Islam yang luas, kita akan mendapati para alim ulama telah menyusun prinsip dan kaedah pemahaman nas syarak, sebagai panduan buat umat masyarakat. Sebagai contoh, mereka telah menyusun ilmu "*Asbabun Nuzul*", iaitu ilmu yang membicarakan tentang sebab penurunan ayat-ayat suci Al-Quran serta menjelaskan kisah serta konteksnya. Adapun ilmu yang membincangkan tentang konteks dan latarbelakang sesuatu hadith dikenali sebagai "*ilmu Asbab Wurud Al-Hadith*".

Bahkan para sahabat r.a. merupakan sebaik contoh bagi kita dalam isu ini. Pengalaman Saidina Umar ibn Al-Khattab r.a. melalui ijtihad-ijtihadnya membuktikan keanjalan Islam yang mampu merealisasikan keadilan agama di dalam suasana dan konteks yang berbeza. Sebagai contoh, Saidina Umar tatkala menjadi khalifah memutuskan untuk tidak mengagihkan tanah yang baru ditawannya di antara tentera muslimin. Sedangkan ia merupakan suatu perkara yang sering dilaksanakan oleh Nabi s.a.w. Saidina Umar r.a. membuat keputusan tersebut, dengan mengambil kira konteks dan latarbelakang bagi keputusan yang pernah dilaksanakan Nabi s.a.w. suatu ketika dahulu. Bukan sahaja itu, bahkan beliau juga mengambil kira kesan buruk bagi masyarakat tempatan di masa depan sekiranya amalan mengagihkan tanah-tanah itu berterusan.

Kisah ini dan lain lagi, membuktikan kepada kita kepentingan memahami latarbelakang dan konteks teks-teks agama. Bahkan ia merupakan diantara langkah bagi memperoleh kefahaman yang menyeluruh berkaitan Al-Quran dan Sunnah.

Saudaraku,

Langkah yang ketiga, yang perlu diperhatikan dalam usaha kita memahami Al-Quran dan Sunnah adalah, dengan membina pemahaman yang menjadikan kesederhanaan (Al-wasatiyyah) sebagai dasar. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 143, yang bermaksud: *“Dan demikianlah, Kami jadikan*

kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang seimbang (wasatan)”.

Pengertian “*Wasatiyyah*” ataupun keseimbangan tidak sama sekali bermaksud untuk melengah-lengahkan syiar agama atau mengabaikan tuntutan Islam. Jauh daripada itu, “*Wasatiyyah*” yang dianjurkan Islam ialah kesederhanaan yang tidak membawa kepada sebarang sikap melampau, seperti fanatisme, ekstremisme dan radikalisme. “*Wasatiyyah*” yang dianjurkan di sini pemahaman agama yang seimbang yang membawa kepada pembangunan Muslim yang seimbang serta menyuburkan kesejahteraan dan bukannya mendorong kepada kehancuran. Oleh itu, sikap “*Wasatiyyah*” mampu memberi kepada setiap mukmin panduan untuk menilai segala maklumat agama yang diperolehi.

Saudaraku,

Ketahuiilah sebagaimana ilmu itu merupakan sebahagian dari agama kita, iman yang utuh juga perlu dibina atas dasar ilmu agama yang muktabar serta betul. Maka pastikan bahawa ilmu dan maklumat agama kita itu tepat. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita taufiq serta inayah, untuk mengamalkan agama sesuai dengan tuntutan dan kehendakNya. Dan mudah-mudahan Allah melahirkan daripada kita semua individu masyarakat yang berhemah tinggi serta berakhlak mulia. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.